

# Dasar hormati negara lain dikekalkan

UM 2 2 OCT 2003

**K**UALA TERENGGANU 21 Okt. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia akan tetap meneruskan dasar terbaik-baik dengan mana-mana negara dan menjalinkan hubungan atas prinsip saling hormat-menghormati.

Timbalan Perdana Menteri berkata, dasar itulah yang dipegang oleh Malaysia selama ini walaupun adakalanya terdapat perbezaan pendapat mengenai sesuatu perkara.

“Mungkin dalam perhubungan kita (dengan mana-mana negara), ada perkara-perkara khusus yang kita tidak setuju tetapi dalam hal lain kita boleh bekerjasama.

“Ini juga berlaku umpamanya dengan Amerika, ada hal-hal yang kita tidak setuju dan ada yang kita boleh bekerjasama,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Terengganu di Hotel Grand Continental di sini hari ini.

Sehubungan itu, Abdullah menegaskan bahawa terpujalah kepada Australia untuk menentukan bentuk hubungannya dengan Malaysia pada masa depan.

Katanya, ia tidak menjadi persoalan bagi Malaysia jika negara berkenaan mengikuti dasar tertentu kerana apa yang

lebih utama ialah kepentingan dan kedaulatan negara perlu terus dipertahankan.

“Itu pilihan dia (Australia). Kita tengoklah nanti. Dasar negara kita ialah untuk terbaik dengan mana-mana negara, jalinan hubungan yang baik atas prinsip saling hormat menghormati. Jika dia baik dengan kita, kita baik dengan dia,” ujarnya.

Abdullah diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Australia, John Howard yang tidak akan tergesa-gesa memperbaiki hubungan dengan Malaysia selepas persaraan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akhir bulan ini.

Howard dilaporkan mengalu-

lakukan Abdullah selaku pengganti Dr. Mahathir tetapi menyatakan beliau tidak menjangkakan perubahan sikap yang mendadak dari Kuala Lumpur.

Menurut Abdullah, Australia tidak memahami pendirian Malaysia sehingga mereka menunjukkan sikap yang tidak menyenangkan.

“Sebagai sebuah negara yang merdeka, berdaulat, kita tentunya tidak mahu cubaan campurtangan pihak lain dalam urusan negara yang mungkin mengancam kepentingan kita.

“Ini adalah juga prinsip yang kita pegang dalam hubungan antara negara. Namun kita masih bersikap terbaik-baik,” tegas beliau.